



1957; STADIUM MERDEKA

GARIS MASA AWAL



1262

- Melaka pernah berdiri sebagai sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang menyatukan masyarakat majmuk seperti orang Arab, Cina, India dan Eropah.

- Kehadiran *Country Traders* (Francis Light, 1786) ke Pulau Pinang menandakan British telah mencampurkan tangan dalam sektor pentadbiran, ekonomi dan sosial penduduk Tanah Melayu.




1262



1786

- British telah membawa imigran dari China dan India untuk dijadikan sebagai tenaga buruh bagi memesatkan sektor pengeluaran.



1786

- Sistem Pecah dan Perintah membawa kepada penindasan ekonomi perkauman, perbezaan jurang pendapatan dan ketidakseimbangan mobiliti kaum.



1786

MALAYAN UNION

- Setelah tamat Perang Dunia Kedua, British telah mentadbir semula Tanah Melayu dengan memperkenalkan sebuah sistem sivil yang dipanggil Malayan Union.
- Walau bagaimanapun, tidak semua Raja-Raja Melayu menerima mudah perlembagaan tersebut.
- Peruntukan Malayan Union tidak dilaksanakan ekoran tentangan daripada kaum Melayu terutamanya tidak berpuas hati terhadap kerakyatan yang longgar dan hilangnya kuasa Raja-Raja Melayu.

SEJARAH PEMBINAAN NEGARA



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN 1948

- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah pengganti kepada Perlembagaan Malayan Union 1946 yang telah dimansuhkan.
- Perlembagaan Persekutuan 1948 memperuntukkan gabungan sembilan buah Negeri Melayu bersama Pulau Pinang dan Melaka bagi membentuk sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu.
- Perjanjian Persekutuan 1948 merupakan satu kemenangan besar bagi orang Melayu kerana telah mengembalikan hak pertuanan Melayu; dalam erti kata Tanah Melayu merupakan negeri bertuan.
- Dari sudut hak kewarganegaraan, dapat disimpulkan bahawa orang Melayu telah pun bertolak ansur sejak tahun 1948 lagi.
- Walaupun syarat kewarganegaraan telah diperketatkan, namun Perlembagaan Persekutuan 1948 tetap secara implisit menyatakan bahawa Tanah Melayu melalui 1 Februari 1948, bukanlah tanah untuk orang Melayu semata-mata.

MENUJU TAHUN 1957

- Pada 18 Januari 1956, telah diadakan Persidangan Meja Bulat antara wakil-wakil Kerajaan Perikatan (UMNO, MCA dan MIC), wakil Raja-Raja Melayu dan pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan British di Lancaster House bagi menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
- Delegasi London ini diketuai oleh Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, diiringi Dato' Abdul Razak Hussein, Dr. Ismail Abdul Rahman, Kolonel H.S. Lee, Encik T.H. Tan dan Encik Bahaman Shamsuddin.



- Pelbagai perbincangan telah dilakukan melalui Suruhanjaya Reid seperti pembentukan sebuah kerajaan pusat, kuasa autonomi negeri dalam bidang tertentu, kedudukan istimewa Raja-Raja Melayu, pelantikan seorang Ketua Negara berperlembagaan dan pengkalan hak istimewa orang Melayu.
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah berkuat kuasa apabila Duke of Gloucester menggugurkan kuasa dan wibawa penjajah British seterusnya pemasyhuran merdeka di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

PEMBENTUKAN MALAYSIA

- Tunku Abdul Rahman Putra telah menyatakan hasrat dan cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia pada 27 Mei 1963 dalam ucapan beliau di Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura.
- Dengan ini, tertubuhnya penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang dipengerusikan oleh Donald Stephens bagi menerangkan konsep pembentukan kepada penduduk di Sabah, Sarawak dan Brunei.
- Memorandum yang telah dihasilkan menerusi tinjauan pandangan masyarakat tempatan diserahkan kepada Suruhanjaya Cobbold supaya kajian dapat dilaksanakan berkenaan pandangan penduduk di Sarawak dan Sabah mengenai penubuhan gagasan Malaysia.
- Akhirnya, pada 16 September 1963, penubuhan Malaysia telah diumumkan.